

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[TEBRAU]  
TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

**SOALAN NO. 89**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menghalang motosikal berkapasiti kurang daripada 250cc menggunakan lebuh raya atau ada pelan tindakan yang lain untuk memastikan keselamatan mereka dan juga pemandu-pemandu kereta.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Akta Pengangkutan Jalan 1987, tiada halangan untuk menggunakan apa-apa jenis kenderaan di atas jalan raya di Malaysia, tetapi peruntukan Seksyen 70 APJ 1987, ada menyatakan kuasa menyekat penggunaan kenderaan-kenderaan pada jalan-jalan tertentu yang sekiranya didapati tidak selamat atau akan menimbulkan bahaya kepada pengguna jalan raya.
2. Kerajaan sentiasa menjalankan kempen dan advokasi melalui pelbagai medium bagi meningkatkan kesedaran masyarakat akan pentingnya mengamalkan penunggangan selamat. Peraturan jalan raya yang ditetapkan seperti pemakaian topi keledar yang mengikut piawaian SIRIM, adalah bagi mengurangkan risiko berlaku kemalangan akibat kecuaiannya manusia. Kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) mendapati faktor kemalangan yang berlaku di negara ini adalah disebabkan oleh 80.5% faktor manusia, 13.2% disebabkan faktor kejuruteraan dan 6.22% disebabkan faktor persekitaran.
3. Kerajaan melalui pelbagai Agensi Penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan sering kali mengadakan program-program bersepadu dalam meningkatkan penguatkuasaan dan tahap kesedaran pengguna jalan raya di Malaysia. Selain itu, peranan pelaksanaan penguatkuasaan peraturan jalan raya oleh agensi penguatkuasaan amatlah penting bagi memastikan keberkesanan peraturan jalan raya yang ditetapkan dalam membentuk sikap pengguna jalan raya yang lebih berhemah.

Sekian, terima kasih.